


GST untuk pertumbuhan hasil mampan



Sejak beberapa bulan lalu, kerajaan mengumumkan pelbagai inisiatif Ekonomi Madani, termasuk menyediakan dana untuk projek perintis perumahan inklusif Madani, pengukuhan jaringan pengangkutan awam dan kredit e-tunai bagi manfaat kumpulan sasar.

Siling perbelanjaan pembangunan pula dinaikkan sebanyak RM15 bilion kepada RM415 bilion pada Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-12 yang dibentangkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim baru-baru ini. Peningkatan ini bertujuan memampung perbelanjaan tambahan kerajaan untuk meningkatkan taraf hidup rakyat.

Kesemua langkah ini merupakan pendekatan yang tepat untuk memacu pertumbuhan ekonomi negara, tetapi pada masa yang sama ia haruslah dibiayai melalui peningkatan pendapatan kerajaan.

Menjelang pengumuman Belanjawan 2024, sudah kedengaran banyak perbincangan mengenai langkah memperluaskan sumber pendapatan negara termasuk memperkenalkan semula cukai barangan dan perkhidmatan (GST).

Spekulasi ini berterusan kepada bagaimana dan bila GST akan dilaksanakan serta pada masa yang sama memastikan ia tidak membebankan rakyat berpendapatan rendah.

Landskap hasil pendapatan kerajaan Persekutuan

Hasil cukai merupakan penyumbang terbesar kepada kerajaan Persekutuan sejak sekian lama. Pada 2022, hasil cukai individu dan korporat menyumbang sebanyak 71 peratus kepada pendapatan kerajaan Persekutuan, manakala bakinya datang daripada hasil bukan cukai, termasuklah dividen syarikat berkaitan kerajaan (GLC).

Bagaimanapun, hasil cukai dan bukan cukai tidak cukup untuk memampung keseluruhan perbelanjaan negara. Pada tahun 2022, belanjawan negara mencatatkan defisit sebanyak RM99.48 bilion, bermakna kerajaan harus meminjam untuk memampung perbelanjaan pembangunan negara.

Salah satu sebab mengapa negara mencatatkan defisit adalah kerana hasil cukai yang kecil. Nisbah cukai negara berbanding pendapatan dalam negara kasar (KDNK) hanya 11.7 peratus tahun lalu, jumlah yang rendah berbanding negara-negara serantau.

Pada masa yang sama, kebergantungan Malaysia kepada cukai korporat adalah tinggi. Jika dibandingkan dengan negara-negara lain di



Sekiranya GST diperkenalkan semula di Malaysia, kebergantungan kepada cukai korporat dapat dikurangkan dan sekali gus mempelbagaikan hasil pendapatan negara.

ASEAN umpamanya, sumber hasil kewangan mereka adalah lebih seimbang untuk cukai korporat, cukai pendapatan dan GST.

Sekiranya GST diperkenalkan semula di Malaysia, kebergantungan ini dapat dikurangkan dan sekali gus mempelbagaikan hasil pendapatan negara.

Mengapa GST harus diperkenalkan semula?

Jumlah pembayar cukai adalah kecil. Pada 2022, hanya 2.4 juta penduduk negara yang membayar cukai. Jumlah pembayar cukai adalah kecil berbanding penduduk negara sebanyak 33.5 juta orang. Jumlah cukai pendapatan yang dikutip kerajaan sebanyak RM33.8 bilion adalah di bawah potensi kutipan cukai untuk sebuah negara yang berpenduduk 33.5 juta orang.

GST menangani ketidakcekapan sistem percukaian sedia ada. GST merupakan langkah penyusunan semula sistem percukaian negara. Ini melibatkan perluasan skop cukai dan menghapuskan elemen cukai berganda yang terdapat pada SST yang akhirnya ditanggung oleh pengguna.

GST meningkatkan hasil cukai negara. Walaupun kerajaan masih mempunyai pilihan untuk memperkenalkan pelbagai cukai baharu atau menaikkan kadar cukai yang sedia ada, langkah-langkah ini masih tidak berkesan untuk memberi lonjakan besar kepada pendapatan negara. Justeru, pengenalan semula GST berpotensi untuk menambah sumber kewangan negara.

Pendekatan bersepadu ke atas sistem percukaian. Ciri utama GST yang mengenakan cukai pada peringkat transaksi berupaya untuk memastikan sek-

tor ekonomi gelap atau tersembunyi akan masuk ke dalam jaringan percukaian.

Apakah model GST yang berkesan?

Oleh kerana pengguna sudah biasa dengan kadar cukai perkhidmatan 6 peratus dan ditambah dengan cukai jualan 10 peratus ke atas sebahagian besar barangan pengguna, maka kadar permulaan GST sebanyak 6 peratus adalah bersesuaian.

Walaupun ada cadangan supaya GST dimulakan pada kadar lebih rendah, langkah ini bermakna semua pihak (termasuk Kumpulan T20) dikenakan cukai pada kadar yang rendah apabila membeli barangan dan membayar perkhidmatan.

Ini bukan sahaja tidak adil, malah ia serupa dengan isu subsidi pukal yang dilaksanakan sekarang di mana setiap pengguna menikmati hasil subsidi biar pun terdapat perbezaan pendapatan.

Berdasarkan pengalaman lalu, senarai barangan kadar cukai sifar dan dikecualikan cukai yang terlalu panjang telah menimbulkan banyak kekeliruan dan ketidakcekapan.

Selaras dengan strategi GST yang diamalkan di sebahagian besar negara lain, kerajaan perlu memberi pengecualian paling minimum. Pada masa sama, had kelayakan pendaftaran yang lebih munasabah seperti RM1 juta, boleh memudahkan proses pentadbiran.

Menangani masalah persepsi, birokrasi

GST telah dianggap regresif dan membebankan kumpulan berpendapatan rendah jika tidak dilaksanakan dengan betul. Sebenarnya, beban tambah-

an akibat GST ke atas kumpulan berpendapatan rendah boleh diringankan melalui pemberian tunai secara bersasar. Langkah ini perlu menjadi teras pelaksanaan GST.

Sektor korporat pula tidak seharusnya menanggung kos dan ketidakpastian dari segi ketepatan masa pembayaran balik. Justeru, mekanisme pembayaran balik yang cekap ke dalam Tabung Pembayaran Balik GST adalah amat penting sekali.

Kesimpulannya, naratif yang jelas serta program komunikasi dan pemahaman menyeluruh menjadi kunci utama kejayaan pelaksanaan GST. Adalah amat penting untuk memerangi tanggapan kononnya GST akan mewujudkan pelbagai masalah sehingga berlaku kenaikan harga barangan.

Kerajaan juga harus memastikan golongan berpendapatan rendah tidak akan terbeban dengan pelaksanaan GST. Mekanisme pemberian tunai yang efektif boleh memampung sebahagian daripada kenaikan kos dalam belanja seharian.

Tidak kurang pentingnya juga penguatkuasaan tegas kawalan harga dan anti pengambilan untung bagi menghalang kenaikan harga secara tidak bertanggungjawab.

Matlamat Ekonomi Madani adalah untuk memperkasa ekonomi negara. Untuk mencapai matlamat ini, kedudukan kewangan negara harus kukuh untuk memacu Malaysia mencapai status negara berpendapatan tinggi.

Pecutan ini menuntut gerak langkah bersama untuk menuju ke destinasi.